

Strategi rapi capai sasaran ditetapkan

Bandar Baru Bangi: Peningkatan lima peratus dalam pencapaian akademik dan kokurikulum setiap tahun menjadi sasaran kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Empat di sini, satu daripada Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) di negara ini.

Mengakui ia bukan tugas mudah, Pengetuanya, Noorizan Mohammed, tetap komited terhadap tanggungjawab itu dengan bantuan 98 tenaga pengajar dan 15 kakitangan sokongan.

Namun, katanya, faktor penting bagi segala kejayaan SBT ialah hubungan akrab pentadbiran sekolah dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

“Sejak berstatus SBT pada 2011, sekolah merancang, menyusun serta mengatur pelbagai aktiviti bermanfaat demi meningkatkan sahsiah serta kebolehan pelajar. Ia bukan saja memfokuskan kepada pembangunan modal insan semata-mata, sebaliknya menitikberatkan aspek pengantaraan-bangsaaan sebagai asas melahirkan pelajar yang berkeupayaan berfikir pada aras tinggi,” katanya.

Beliau berkata, dana khas yang diterima digunakan untuk menaik taraf prasarana akademik dan pembangunan kokurikulum seperti pembelian alat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), selain ubah suai kecil sekolah, bagi tujuan keceriaan.

Sanjung kepercayaan

“Manfaat diperoleh sebagai SBT besar. Kita menyanjung tinggi kepercayaan Kementerian Pelajaran (KPM) memilih kami sebagai SBT walaupun proses awal untuk memperolehnya diakui sukar,” katanya.

Antara kejayaan dilakar sekolah, Anugerah Sekolah Harapan Negara 2007 serta Sekolah Cemerlang KPM pada 2008. Sekolah turut berjaya melahirkan atlet pelapis dengan mencipta nama di

“**Kita menyanjung tinggi kepercayaan Kementerian Pelajaran (KPM) memilih kami sebagai SBT walaupun proses awal untuk memperolehnya diakui sukar**”

Noorizan Mohammed,
Pengetua SMK Jalan Empat



Noorizan (kanan) melihat keputusan SPM pelajar cemerlang SMK Jalan Empat, Bangi.

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]

persada antarabangsa khususnya sukan bowling, memamah dan golf.

Dari sudut pembangunan akademik pelajar, Faridah berkata, mereka menjalankan aktiviti seperti Program Julang Jess, Program SR (Remember & Re-sit), Skor 'A' Ibnu Sina, ceramah teknik menjawab peperiksaan serta program sinaran kasih atau klinik

akademik.

“Kita juga mengadakan jalinan akademik dengan beberapa universiti tempatan seperti Universiti Putra Malaysia (UPM). Program lain dijalankan termasuk Bengkel Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 1Malaysia dan program pertukaran budaya ke Indonesia, Vietnam dan Jepun.

Fokus bidang sains

Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Tun Dr Ismail I, Ju-

riah Jupri, pula memfokuskan untuk melahirkan lebih ramai pelajar yang mempunyai keupayaan dan minat sains yang tinggi sejak berstatus SBT pada 2010.

Bagi tujuan itu, katanya sekolah merancang mengadakan Karnival Sains dan Aeroangkasa tahun ini, membabitkan penyertaan SK seluruh negara serta masyarakat setempat.

“Kita juga bercadang mengadakan lawatan ke NASA, Amerika Syarikat tahun depan,” katanya.